

Dagangan: 60. DRY MINILAB SYSTEM Brand: Fuji Film Model: Frontier DL 410	Kod Tarif : 8443.32.200
---	---------------------------------------

Keterangan :

Barangan ini merupakan sejenis *dry minilab machine* iaitu sejenis *dry printer* dengan ukuran standard (L800 x W621 x H589mm). Berdasarkan kepada katalog yang dikemukakan ianya boleh disambung kepada komputer dan pada film scanner melalui USB port. *Film scanner* dan *processor* merupakan aksesori pilihan kepada *dry minilab machine*. Mesin ini adalah sejenis digital dry printer yang beroperasi bersama ***Automated Data Processing Machine***, bagi membolehkan digital input dalam bentuk media atau image diproses dan seterusnya dicetak oleh *dry minilab machine*. Mesin ini juga boleh disambung secara *network integration* bertindak seperti *network printing*.

Dry minilab system Frontier DL 410 ini merupakan sejenis printer yang mencetak menggunakan kaedah piezoelectric ***inkjet system***. Ia dikatakan boleh mencetak pada *roll paper* dan *sheet paper* dengan *resolution 720x 720 dot per inch* serta menggunakan 4 *ink cartridges (yellow, magenta, cyan, black)*.

Sebagai rujukan silang *US Customs Rulings (CROSS)* rujukan CLA-2-84:RR:NC:1:103 J87763 bertarikh 27.8.2003-memperjelaskan barangan seumpamanya dibawah kod tarif **8443.51.5000**, *Other printing machinery: ink-jet printing machinery*.

Barangan seperti ini mendapat liputan dalam Explanatory Note, ms **XVI-8443-4** di seperti berikut :

(II) OTHER PRINTERS, COPYING MACHINES AND FACSIMILE MACHINES, WHETHER OR NOT COMBINED

This group covers :

(A) Printers
.....

These apparatus accept data from various sources (e.g., automatic data processing machines, flatbed desktop scanners, networks). Most incorporate memory to store that data.


The products of this heading may create the characters or images by means such as laser, ink-jet, dot matrix or thermal print processes. The two most common types of printers are
.....

(2) Inkjet printers. *These machines place drops of ink onto a print medium to creat an image*

Barangan yang mempunyai ciri-ciri dan fungsi yang hampir sama telah pernah dipenjeniskan di bawah kod tarif 8443.32.200 sebagai Inkjet Printer melalui surat Bil. KE.HT(96)431/01-1 (1077) bertarikh 29.1.2009.

Berdasarkan fakta dan maklumat di atas Panel Penetapan Penjenisan memutuskan barangan ini sesuai dipenjeniskan mengikut *General Interpretation Rule 1 dan 6* di bawah kod tarif **8443.32.200** sebagai *Inkjet Printer, Capable of Connecting to An Automatic data Processing Machine or to a Network* .

Gambar :



DRY MINILAB SYSTEM
Brand: Fuji Film
Model: Frontier DL 410